

**GARIS PANDUAN  
PERMOHONAN PENGECUALIAN CUKAI JUALAN DAN PEMBAYARAN BALIK  
KE ATAS BRA MASTEKTOMI YANG DIIMPORT ATAU DIBELI DARIPADA  
PENGILANG BERDAFTAR DI BAWAH AKTA CUKAI JUALAN 2018**

---

**TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan memberi penjelasan berhubung dengan syarat-syarat, permohonan pengecualian dan pembayaran balik cukai jualan ke atas bra mastektomi yang diimport atau dibeli daripada pengilang berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018.

**PENGENALAN**

1. Selaras dengan aspirasi Ihsan MADANI, melalui pembentangan Belanjawan 2025, Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan **pengecualian cukai jualan ke atas pengimportan atau pembelian bra mastektomi** bagi membantu meringankan beban pesakit-pesakit kanser yang telah menjalani pembedahan pembedahan payudara. Pengecualian cukai jualan ini berkuat kuasa **mulai 1 November 2024 hingga 31 Disember 2027**.
2. Pengecualian cukai jualan yang dimaksudkan adalah ke atas pengimportan atau pembelian bra mastektomi seperti berikut:

BIL.	PRODUK	KOD TARIF (HS CODE)	KADAR CUKAI JUALAN
1.	Bra mastektomi (daripada kapas)	6212.10.1100	10%
2.	Bra mastektomi (daripada material tekstil lain)	6212.10.9100	

**PERMOHONAN PENGECUALIAN CUKAI JUALAN**

3. Pengecualian cukai jualan ke atas pengimportan atau pembelian bra mastektomi ini diberi di bawah peruntukan subseksyen 35(3)(a), Akta Cukai Jualan 2018.
4. Syarat-syarat pengecualian cukai jualan adalah seperti berikut:
  - a. Pemohon merupakan individu warganegara Malaysia atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi Negeri Sabah dan Sarawak.

- b. Permohonan pengecualian cukai jualan perlu dikemukakan kepada Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan beserta dokumen seperti berikut:
  - i. Surat Rasmi Permohonan (*Cover Letter*);
  - ii. Sesalinan kad pengenalan (individu) **ATAU** sijil SSM beserta e-Info (syarikat)/lesen perniagaan PBT Negeri Sabah dan Sarawak;
  - iii. *Purchase order/buyer's order* (jika berkaitan);
  - iv. Resit pembelian (invois); dan
  - v. Apa-apa dokumen berkaitan pengimportan atau pembelian (contoh: Borang Kastam No.1, *delivery order*)
- 5. Surat kelulusan pengecualian cukai jualan akan dikeluarkan oleh Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan bagi membolehkan individu/syarikat mengemukakan surat kelulusan tersebut kepada:
  - a. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi tujuan pengimportan; atau
  - b. pengilang berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018 bagi tujuan pembelian tempatan.

## **PERMOHONAN PEMBAYARAN BALIK CUKAI JUALAN**

- 6. Dengan mengambil kira pelaksanaan Garis Panduan ini bermula pada 1 Januari 2025, individu/syarikat yang telah membayar cukai jualan ke atas pengimportan atau pembelian bra mastektomi boleh memohon untuk mendapatkan pembayaran balik di bawah peruntukan Seksyen 35(6), Akta Cukai Jualan 2018 dengan syarat:
  - a. Pemohon merupakan individu warganegara Malaysia atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau PBT bagi Negeri Sabah dan Sarawak.
  - b. Pengimportan atau pembelian tempatan bra mastektomi bagi cukai jualan **telah dibayar** diantara tempoh **1 November 2024 hingga 31 Disember 2024**. Permohonan pembayaran balik cukai jualan perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada **30 September 2025**.
  - c. Pembelian bra mastektomi secara atas talian (*online*) bagi cukai jualan bernilai rendah (LVG) **telah dibayar** diantara tempoh **1 November 2024 hingga 31 Disember 2027**. Permohonan pembayaran balik cukai jualan perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada **30 Jun 2028**.
  - d. Permohonan pembayaran balik cukai jualan perlu dikemukakan kepada Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan beserta dokumen seperti berikut:

- i. Surat Rasmi Permohonan (*Cover Letter*);
  - ii. Sesalinan kad pengenalan (individu) **ATAU** sijil SSM berserta e-Info (syarikat)/lesen perniagaan PBT Negeri Sabah dan Sarawak;
  - iii. *Purchase order/buyer's order* (jika berkaitan);
  - iv. Resit pembelian (invois); dan
  - v. Apa-apa dokumen berkaitan pengimportan atau pembelian (contoh: Borang Kastam No.1, *delivery order*)
7. Surat kelulusan pembayaran balik cukai jualan akan dikeluarkan oleh Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan bagi membolehkan individu/syarikat mengemukakan tuntutan bayaran balik cukai jualan kepada JKDM.
8. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada:
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Bahagian Cukai  
Aras 7, Blok Tengah, Kompleks Kementerian Kewangan  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62592 PUTRAJAYA**  
(u.p.: Seksyen Perkhidmatan I)
- No. Telefon : 03-8882 4730/3393  
No. Faksimili : 03-8882 3885  
E-mel : esmahiza.ismail@mof.gov.my/  
suhaily.redzuan@mof.gov.my
9. Kelulusan pengecualian ini boleh dimansuhkan pada bila-bila masa oleh Menteri Kewangan tanpa memberi apa-apa sebab dan pihak yang berkenaan dikehendaki membayar balik cukai jualan yang telah diberi pengecualian cukai jualan.

#### **TEMPOH PENGECUALIAN**

Pengecualian ini berkuat kuasa mulai **1 November 2024 hingga 31 Disember 2027**.

**Bahagian Cukai  
Kementerian Kewangan  
1 Januari 2025**